



PEJABAT KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
Office of Director-General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8,
Level 8, Block E8,
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
Government Kompleks Parcel E,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA

Tel : 03-8884 6077
Fax : 03-8889 4548
Laman web : <http://www.moe.gov.my>

SPI:KP(BPSH-SPDK)201/005/01/Jld. 4(11)

28 Jun 2011

**Semua Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran Negeri**

Y. Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS BILANGAN 8 TAHUN 2011
PENGURUSAN KESELAMATAN MURID DI SEKOLAH

Keselamatan dan kesejahteraan murid hendaklah sentiasa diberi keutamaan oleh pihak pengurusan sekolah serta merupakan perkara yang tidak boleh dikompromi. Di antara perkara yang boleh menjejaskan keselamatan dan kesejahteraan murid adalah perbuatan berunsur jenayah, membuli, mengambil dadah, keadaan fizikal dan kemudahan di sekolah yang tidak sempurna, penguatkuasaan peraturan aktiviti murid yang tidak cekap serta kawalan keselamatan yang longgar termasuk peraturan bagi mengawal keluar masuk orang luar ke sekolah.

2. Dalam hal ini, pihak pengurusan sekolah hendaklah bersikap tegas terhadap sebarang perkara yang boleh mengancam keselamatan dan kesejahteraan murid. Pihak pengurusan sekolah juga hendaklah sentiasa mengingatkan semua guru akan tanggungjawab tersebut agar perkara ini perlu diberi perhatian sewajarnya.

3. Tujuan Surat Pekeliling Ikhtisas ini adalah untuk mengingatkan semua pihak pengurusan sekolah supaya sentiasa berwaspada terhadap kemungkinan-kemungkinan yang boleh menyebabkan berlakunya kejadian-kejadian yang tidak diingini ke atas diri murid-murid serta mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengelakkannya. Pada setiap masa, keselamatan dan kebajikan murid hendaklah menjadi pertimbangan utama. Sebagai panduan, langkah-langkah berikut hendaklah diambil oleh pihak pengurusan sekolah dalam mengurus keselamatan diri murid serta warga sekolah keseluruhannya.

- 3.1 Memanfaatkan sepenuhnya penubuhan Jawatankuasa Keselamatan Sekolah serta PIBG dalam merancang langkah-langkah menjamin keselamatan murid.
- 3.2 Menekankan aspek keselamatan diri murid pada setiap masa sama ada semasa pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah atau aktiviti-aktiviti di luar bilik darjah yang dianjurkan dari semasa ke semasa.

- 3.3 Memaklumkan kepada ibu bapa atau penjaga mengenai jadual persekolahan termasuk jadual waktu sekolah dan jadual aktiviti lain yang melibatkan penyertaan murid-murid termasuk hari cuti dan perubahan masa persekolahan.
- 3.4 Mewujudkan sistem kawalan dan rekod yang kemas mengenai pergerakan keluar masuk orang-orang luar ke dalam kawasan sekolah termasuk kebenaran yang diberikan kepada ibu bapa atau penjaga untuk membawa murid keluar ketika waktu persekolahan.
- 3.5 Mengawasi dengan kerap kawasan dalam sempadan sekolah yang terselindung, tersembunyi atau gelap dan jika sesuai, menjadikannya sebagai kawasan larangan kepada murid-murid.
- 3.6 Mempamerkan poster atau peraturan mengenai keselamatan bagi meningkatkan kepekaan dan kesedaran murid tentang pentingnya amalan dan sikap sentiasa berhati-hati dan berwaspada dalam semua keadaan.
- 3.7 Menggalakkan murid agar sentiasa berkumpul khususnya ketika pergi dan balik dari sekolah dan melarang murid-murid berseorangan khususnya ketika berada di tempat-tempat sunyi dan terselindung tanpa pengetahuan sesiapa.
- 3.8 Menjadikan peraturan mengenai keselamatan sebagai sebahagian daripada peraturan sekolah yang perlu difahami dan dipatuhi oleh semua pihak termasuk guru, pekerja sekolah, dan ibu bapa. Pelaksanaan peraturan mengenai keselamatan di sekolah hendaklah dilaksanakan secara tegas dan berterusan.

4. Kerjasama Y. Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan adalah dipohon untuk memaklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada pegawai bertanggungjawab di Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah dan semua Pengetua dan Guru Besar di bawah pentadbiran Y. Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


DATO' ABD GHAFAR BIN MAHMUD
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

- s.k.
1. Y.A.B. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin
Timbalan Perdana Menteri
Merangkap Menteri Pelajaran Malaysia
 2. Y.B. Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong
Timbalan Menteri Pelajaran I
 3. Y.B. Dr. Mohd Puad Zarkashi
Timbalan Menteri Pelajaran II
 4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia
 5. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia
 6. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran
Kementerian Pelajaran Malaysia
 7. Ketua-Ketua Bahagian
Kementerian Pelajaran Malaysia
 8. Ketua Nazir, Jemaah Nazir Dan Jaminan Kualiti
Kementerian Pelajaran Malaysia
 9. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pelajaran Malaysia
 10. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pelajaran Malaysia